

BAB 5

PENUTUP

FS merupakan akhbar Melayu pertama yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Ke-II. *UA* pula adalah akhbar Melayu pertama diterbitkan selepas Perang Dunia Ke-II. *FS* mewakili zaman sebelum perang. *UA* pula mewakili zaman selepas perang. Kedua-duanya mewakili dua zaman yang berbeza.

FS dan *UA* diasaskan oleh dua tokoh yang sama : Johari Anang dan Haji Abdul Rahman Kassim. Kedua-duanya mengasaskan akhbar Melayu dalam dua zaman. Walaupun Ikhwan Zaini juga tokoh penting yang mengasaskan *UA*, tetapi beliau bukan pengasas *FS*. Ketiga-tiga tokoh merupakan pengasas akhbar Melayu yang hidup dalam dua zaman : sebelum dan selepas Perang Dunia Ke-II.

Pengasasan *FS* dan *UA* tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan semasa dalam dan luar negeri. Kedua-duanya memainkan peranan penting mendasari penerbitan *FS* dan *UA*. Faktor politik tidak begitu mengesani pengasasan *FS*. Kemunduran sosioekonomi lebih mempengaruhinya.

Latar belakang penerbitan *UA* pula dipengaruhi oleh faktor politik. Ia diterbitkan semasa kemuncak isu penyerahan. Ketika itu, golongan anti penyerahan memerlukan akhbar yang berperanan sebagai lidah rasminya. Jika disoroti perkembangan semasa yang mendasari penerbitan *UA*, faktor ekonomi dan sosial tidak begitu mengesannya.

Moto *FS* lebih jelas berbanding *UA*. Motonya berasaskan kepada “4P” iaitu “Perkhabaran Am, Pengetahuan, Pengajaran dan Penghiburan”.¹ Moto *UA*, “Rakyat Yang Mengetahui Ialah Keselamatan Negara”² agak tergantung dari segi ayatnya. Ia menjurus kepada aspek politik bersesuaian dengan peranannya sebagai lidah rasmi pejuang anti penyerahan.

UA diterbitkan sebagai organ ASAS khususnya dan golongan anti penyerahan umumnya. *FS* pula bukan menjadi organ kepada pertubuhan tertentu. *FS* merupakan lidah pena reformis Islam. *FS* tidak pula menyatakan dengan jelas dasar perjuangannya. Penerbitannya tidak dipengaruhi oleh pertentangan fahaman politik. Meskipun *FS* tidak menyatakan dasar perjuangannya, *FS* berkhidmat demi kepentingan masyarakat Melayu-Muslim.

UA mempunyai dasar perjuangannya tersendiri yang diisyiharkannya dengan jelas. Walaupun *UA* menyatakan dasarnya bebas, tetapi sifat bebasnya hanya berlebar dalam kerangka “Bebas Berchakap dan Bebas Tulis-menulis”.³ *UA*, seperti juga *FS*, membuka ruangannya kepada umum. *UA* tetap mempertahankan sikap keterbukannya.

Tujuan penerbitan *FS* dan *UA* juga berbeza. *FS* meletakkan tiga tujuan utama penerbitannya. Pertama, menjalinkan perpaduan Melayu-Muslim. Kedua, menyedarkan

¹ *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

² *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm. 1.

³ *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1.

orang Melayu menuju kemajuan. Ketiga, mengangkat nama baik Melayu dan tanah airnya (Sarawak).

Tujuan penerbitan *UA* pula bersifat politik. Pertama, menegakkan kebenaran dan keadilan berpandukan undang-undang. Kedua, menuntut kemerdekaan Sarawak. Ketiga, menyebarkan perkembangan politik semasa khususnya perjuangan anti penyerahan. Bagi *UA*, penjajahan merupakan musuh utamanya. Bagi *FS* pula, seterusnya ialah kemunduran Melayu.

Pada dasarnya, matlamat perjuangan *FS* dan *UA* berpaksikan pembelaan terhadap hak dan kepentingan masyarakat Melayu khususnya dan bumiputera umumnya. Meskipun tumpuan *UA* menjurus kepada aspek politik, tetapi *UA* tidak mengenepekan terus aspek sosioekonomi. *UA* juga menyedari kepentingan pendidikan dan ekonomi Melayu.

FS mendapat ilham namanya sempena mengambil sifat fajar. Namun, penggunaan perkataan “fajar” bukanlah asing dalam sejarah persuratkhabaran Melayu. Sebelum penerbitan *FS*, akhbar *Nujumu'l Fajar*⁴ turut mengambil nama fajar.

⁴ Ia diterbitkan di Singapura pada 4 September 1877. *Nujmu'l Fajar* dicetak dengan huruf jawi (dicap dengan cap batu). Ia diterbitkan setiap Selasa sebagai akhbar mingguan. Pengarang, penerbit dan tarikh penutupannya tidak diketahui. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 1. Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992, hlm. 101.

Nama *UA* pula diambil sempena pengasasnya iaitu ASAS. Perkataan “utusan” juga bukan perkara baru. Antara akhbar yang menggunakan perkataan “utusan” ialah *Oetoesan Hindia*,⁵ *Oetoesan Melajoe*⁶ dan *Utusan Melayu*.⁷

FS dan *UA* diterbitkan pada awal dan pertengahan bulan. *FS* tidak mempunyai syarikat percetakannya sendiri. *FS* dicetak oleh Diocesan Press. *UA* pula dicetak oleh ASAS Press. Sebelum ASAS Press ditubuhkan, *UA* dicetak oleh Kuching Press. Dengan memiliki syarikat penerbitan sendiri, ia menunjukkan ASAS mempunyai sumber kewangan yang lebih kukuh berbanding Syarikat Putra Sarawak, penerbit *FS*.

Edaran *FS* tertumpu di sekitar bandar dan Bahagian Kuching. Penerbitnya menyatakan *FS* juga diedarkan ke Tanah Melayu, Brunei dan Indonesia. Edaran *UA* pula meliputi seluruh Sarawak. Ini berdasarkan perkembangan perjuangan anti penyerahan di Kuching,

⁵ Ia diterbitkan pada 1 Januari 1913 di Surabaya oleh N.V. Setia Oesaha. *Oetoesan Hindia* diterbitkan sebagai akhbar harian. Ia berperanan sebagai organ perjuangan Sarekat Islam. Pengarangnya Omar Said Tjokroaminoto. Ahmat Adam, *The Vernacular Press And The Emergence Of Modern Indonesian Consciousness 1855-1913*, Cornell Southeast Asia Program, New York, 1995, hlm. 171.

⁶ Ia diterbitkan pada Januari 1911 di Padang oleh Snelpersdrukkerij Perserikatan Orang Alam Minagkerbau. Pengarangnya Datoek Soetan Maharadja. *Oetoesan Melajoe* diterbitkan setiap Rabu dan Sabtu, empat halaman bercetak. Ia berperanan sebagai lidah pena Kaum Tua. Ibid., hlm. 131.

⁷ Terdapat dua *Utusan Melayu*. Pertama, *Utusan Melayu* yang diterbitkan oleh Singapore Free Press pada 1907-1921. Pengarang pertamanya Mohd. Eunos Abdullah. Kedua, *Utusan Melayu* yang diterbitkan oleh Utusan Melayu Press pada 1931-1958. Pengarang pertamanya Abdul Rahim Kajai. Untuk butiran lanjut, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 7 ; 44.

Serian, Simanggang, Sibu, Kapit dan Miri. *UA* juga diedarkan ke Tanah Melayu khususnya Singapura dan Brunei.

Tidak terdapat bukti kukuh yang menunjukkan *UA* diedarkan ke Indonesia. Namun, rakyat Indonesia yang bekerja di Sarawak dipercayai membaca *UA*. Mereka bernaung di bawah Kesatuan Rakyat Indonesia Sarawak (KRIS).

FS dicetak dengan huruf jawi. Pembacanya utamanya ialah masyarakat Melayu. Ia juga bertepatan dengan seruan *FS*, “Fajar telah tersingsing. Bangunlah wahai bangsaku”.⁸ Perkataan “bangsaku” jelas merujuk kepada Melayu.

UA dicetak dengan huruf rumi. Pembacanya tidak terhad kepada masyarakat Melayu. Malah, terdapat cetakan versi Iban. *UA* meluaskan sidang pembacanya di kalangan bumiputera. *UA* tidak mempunyai seruan khusus.

Dari aspek penyusunan, *FS* lebih teratur berbanding *UA*. Kedua-duanya mempunyai ruangan rencana pengarang, rencana, berita, surat pembaca, kata-kata hikmah dan iklan. Tetapi, *UA* tidak mempunyai ruangan khusus untuk berita dalam dan luar negeri. Ia diletakkan secara rawak. *FS* pula menyusun berita dalam dan luar negerinya dalam ruangan khusus. Berbanding *UA*, *FS* lebih banyak menyiaran berita luar negeri daripada dalam negeri.

⁸ *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

Ketelusan *FS* lebih jelas berbanding *UA*. Hampir keseluruhan berita luar negeri *FS* dinyatakan sumbernya. Tetapi, *UA* agak mengabaikannya. Ia hanya dinyatakan oleh *UA* untuk berita dan rencana yang penting sahaja.

UA mempunyai lukisan tertentu untuk memenuhi ruangan halaman depannya. Ia meliputi lilin, pena, dakwat dan buku yang dilukis dengan pen. *FS* tidak mempunyai lukisan tertentu. Tetapi, ia digantikan dengan tulisan “Fajar Sarawak” (jawi) dalam bentuk khat.

Usia *FS* lebih pendek jika dibandingkan dengan *UA*. *FS* hanya diterbitkan selama enam bulan (1 Februari - 16 Jun 1930). *FS* diterbitkan dalam 10 Bilangan. Setiap keluarannya mengandungi lapan halaman bercetak. Daripada sepuluh keluaran, hanya empat keluaran sahaja yang kekal.

UA pula bertahan selama 10 bulan (10 Oktober 1947- 15 Ogos 1948). *UA* diterbitkan 20 keluaran. Pada mulanya, *UA* diterbitkan dua halaman bercetak. *UA* diterbitkan empat halaman bercetak mulai 1 Januari 1948. Daripada 20 keluaran, hanya 13 keluaran sahaja yang kekal.

Isi kandungan *FS* dan *UA* dapat dibahagikan kepada aspek utama dan sampingan. Bagi *FS*, isi kandungan utamanya meliputi aspek sosioekonomi. Aspek politik pula merupakan isu sampinganya. Ini berbeza dengan *UA*. Isi kandungan utamanya aspek politik. Aspek sosioekonomi pula merupakan isu sampinganya.

Bahasa *FS* agak sukar difahami. Ayat yang digunakan, biasanya panjang dan agak berbelit-belit. Ia dipengaruhi oleh bahasa Inggeris dan Arab. Bahasa *UA* pula lebih mudah difahami. Ayat yang digunakannya lebih pendek dan ringkas. Mesej yang disampaikannya lebih mudah difahami. Bahasa Melayu Sarawak juga mempengaruhi *FS* dan *UA*.

FS memuatkan rencana keagamaan, sejarah dan karya sastera. Rencana keagamaan dan sejarah kebanyakannya dipetik oleh *FS* daripada majalah luar negeri terutamanya dari Timur Tengah dan Indonesia. Tetapi, tidak terdapat rencana keagamaan, sejarah dan sastera dalam *UA*. Rencana *UA* pula lebih menjurus kepada isu politik. Ini menyebabkan sumbangan *UA* terhadap aspek sejarah, keagamaan dan kesusteraan tidak menonjol.

Jika dilihat keseluruhan aspek isi kandungan *FS* dan *UA*, ia menunjukkan kematangan idea. Isu dan persoalan yang disentuh, dikupas dengan berkesan. Ini membolehkan mesejnya disampaikan kepada pembaca dengan jelas. Ia juga disokong dengan hujah dan bukti yang kukuh.

FS dan *UA* menggunakan pendekatan kritis dan sinis. Kedua-duanya berperanan sebagai pengkritik. *FS* memilih jalan sederhana dan halus. Terdapat juga kritikan yang tegas. *UA* pula menjadi pengkritik yang lantang. Namun, *FS* dan *UA* bukanlah bersifat provokatif semata-mata. *FS* dan *UA* juga mengemukakan cadangan dan saranan membina untuk menangani isu dan masalah yang diperkatakannya.

FS mengkritik tokoh tertentu dalam masyarakatnya secara halus. Ia tidak menyebut tokoh yang dikritiknya secara langsung. Ini berbeza dengan *UA*. Tokoh-tokoh penyerahan dijadikan sasaran kecamannya. Antaranya Vyner Brooke, Mac Bryan, Listowel, Arden Clarke dan Dawson.

Pemikiran anti kolonial *FS* dipancarkannya secara halus. Ia menyifatkan kolonial British “seerat ular tedung”⁹ – kepalanya mematuk dan ekornya membelit sambil menyemburkan racun berbisa terhadap mangsanya.

Pemikiran *UA* pula jelas bersifat anti kolonial. *UA* mengkritik penjajah British dengan berani sebagai manifestasi percikan semangat anti penjajahannya. Bagi *UA*, British bukan sekadar ular tedung, malah “singa lapar”¹⁰ yang menerkam mangsanya yang lemah. British dilihatnya sebagai penjajah yang bermaharajalela meluaskan empayarnya.

Penerbitan *FS* dan *UA* menunjukkan kesedaran dan semangat kemajuan golongan terpelajar Melayu di Sarawak, di samping sensitiviti terhadap isu semasa dalam konteks zamannya. Ia terlahir hasil persepakatan pelbagai pihak yang membolehkan penerbitnya menggarap pelbagai isu dan persoalan, sekaligus menunjangi gagasan dan perjuangan *FS* dan *UA*.

⁹ *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 2.

¹⁰ *Utusan ASAS*, 1 April 1948, hlm. 1.

Hakikat *FS* dan *UA* sebagai akhbar Melayu yang berorientasikan perjuangan dapat dilihat berdasarkan tiga ciri asasnya : latar belakang (tujuan, moto dan dasar), peranan dan isi kandungannya. Ia diperkuuhkan lagi lantaran *FS* dan *US* tidak menjadikan keuntungan sebagai matlamatnya. Sebagai akhbar yang bukan berbentuk pelaporan semata-mata, peranan *FS* dan *UA* sebagai wadah pejuang hak dan kepentingan Melayu khususnya dan bumiputera umumnya, turut menyerlahkan *FS* dan *UA* sebagai akhbar Melayu perjuangan.

Di sepanjang penerbitannya, *FS* memainkan lima peranan utama. Pertama, ia berperanan sebagai wadah golongan terpelajar Melayu menyedarkan masyarakat Melayu tentang kemunduran mereka khususnya dalam aspek sosioekonomi. Kedua, *FS* membela hak dan kepentingan masyarakat Melayu yang tidak mendapat perhatian serius oleh Brooke dan pemimpin Melayu.

Ketiga, *FS* mendokong obor kesedaran terhadap kemajuan Melayu lantas mengkritik sikap dan pemikiran anakronistik masyarakat Melayu yang menyebabkan kemunduran. Keempat, *FS* berperanan sebagai wahana menyalurkan ilmu pengetahuan dengan menyiarkan pelbagai rencana. Kelima, *FS* menggalakkan perkembangan penulisan dan kesusastraan Melayu, di samping galakan untuk mengasah bakat penulisan.¹¹ Terlebih

¹¹ Selain sajak, *FS* juga menyiarkan cerpen bertajuk “Penawar Kedukaan”. Ia dikarang oleh “Jad”. *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 8. Ini menunjukkan *Utusan Sarawak* sebenarnya bukan akhbar pertama yang berperanan mengembangkan kegiatan kesusastraan Melayu seperti yang dinyatakan oleh Jaraiee @ Jarmi Sawal. Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan *Utusan Sarawak* lebih besar berbanding *Fajar Sarawak*. Jaraiee @ Jarmi Sawal, “Sumbangan *Utusan Sarawak* Terhadap Perkembangan

penting lagi, kesemuanya ini turut memperteguhkan hakikat *FS* sebagai akhbar perjuangan.

Untuk mengukur kesan *FS* dan *UA* khususnya dari aspek kuantiti, memang amat sukar kerana ketiadaan rekod mengenai jumlah pembacanya. Namun, perkembangan dan perubahan masyarakat Melayu sezaman yang terkesan ekoran perjuangannya, memperlihatkan kepentingannya *FS* dan *UA* yang meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial.

Seruan dan saranan *FS* membawa perubahan positif terhadap masyarakat Melayu. Ia menunjukkan keupayaan *FS* sebagai agen penggerak dan perubah masyarakatnya, selain menyalurkan cita-cita memajukan masyarakat Melayu. Namun, ia tidak dapat dicapainya secara menyeluruh.

Pembabitan *FS* dalam permasalahan masyarakat Melayu yang meninggalkan kesan penting¹² tidak wajar dikesampingkan.¹³ Malah, semangat dan kesedaran *FS* masih

Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Di Sarawak 1949-1971”, Latihan Ilmiah, B.A., Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/1985, hlm. 60.

¹² Terdapat penulis yang memberikan pandangan agak ekstrim terhadap peranan dan kepentingan *Fajar Sarawak*. Sanib berpendapat, ”Akhbar ini [*Fajar Sarawak*]berjaya menyedarkan bangsa Melayu di seluruh Sarawak”. Harus diingat bahawa *Fajar Sarawak* tidak diedarkan di luar bandar Kuching atau di luar Kuching secara meluas. Mungkin ada, tapi dalam jumlah yang terbatas. Justeru, tidak tepat mengatakan *Fajar Sarawak* “menyedarkan bangsa Melayu di seluruh Sarawak”. Ini kerana ia lebih menumpukan perhatiannya kepada orang Melayu di Kuching sahaja. Sanib juga juga menyatakan “ia [*Fajar Sarawak*] merupakan media yang membangkitkan kesedaran politik bangsa Melayu yang sangat berkesan”. Sepanjang penelitian penulis, *Fajar Sarawak* lebih menumpukan perhatiannya kepada usaha membangkitkan kesedaran orang Melayu

diperlukan oleh orang Melayu. Mereka masih hidup dalam kemiskinan dan ketinggalan di tanah air sendiri berbanding bangsa asing.¹⁴

Kepentingan *FS* dapat dikesan sehingga akhir 1930-an. Pengasasan PKMS pada 1939 adalah buktinya. PKMS merupakan manifestasi semangat perjuangan *FS*. Pengasas *FS* dan PKMS terdiri daripada tokoh yang sama : Rakawi Yusuf, Johari Anang dan Haji Abdul Rahman Kassim. *FS* dan PKMS, meskipun berbeza bentuknya, tetapi matlamat perjuangannya seiringan. Kedua-duanya memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat Melayu.

Jika diperhalusi tujuan pengasasan PKMS, ia jelas menunjukkan pengaruh *FS*. Antara tujuan penubuhan PKMS yang memperlihatkan kesinambungan perjuangannya dengan *FS* ialah :

Menyatupadukan orang Melayu dan bekerja untuk kemajuan mereka.

tentang kemunduran sosioekonomi dan langkah-langkah mencapai kemajuan. Memang benar terdapat kritikan terhadap Vyner Brooke, British dan pemimpin Melayu. Tetapi, ia tidak diperkatannya secara meluas. Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941 : Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. XL, December 1989”, hlm. 94-97.

¹³ Seperti yang diungkapkan oleh Za’ba, “Tidak syak lagi surat-surat khabar dan majalah-majalah Melayu berpengaruh kuat membentuk pendapat umum di kalangan pembaca-pembaca Melayu bagi mengembangkan pengetahuan umum tentang dunia serta menyedarkan dan melenyapkan kematian jiwa di kalangan orang-orang Melayu untuk bergerak menuju kemajuan”. William R. Roff, *Nasionalisma Melayu* (terjemahan Ahmad Boestamam), Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 213.

¹⁴ Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941”, hlm. 97-98.

Menggalakkan dan meninggikan Perniagaan, Pelajaran, Kebudayaan dan Bahasa Melayu.

Memelihara dan menjaga serta meluaskan syiar Islam.¹⁵

Dalam konteks ini, PKMS merupakan sumbangan penting *FS* kepada masyarakat Melayu. Pengasasan PKMS bertepatan dengan saranan *FS* agar masyarakat Melayu khususnya dan umat Islam umumnya, bersatu menuju kemajuan. Pengasasan PKMS juga menunjukkan keberkesanan seruan *FS* menyatupadukan masyarakat Melayu.

Ini termasuklah kempen anti boros, usaha menubuhkan Syarikat Kerjasama, pelancaran Rancangan Ekonomi Kebangsaan Sarawak¹⁶ dan pembelian rumah kedai di Rock Road sebagai ibu pejabat PKMS.¹⁷ Ia menunjukkan mesej dan kesedaran yang dipancarkan oleh *FS* meresap dalam kehidupan masyarakat Melayu, lantas mengesani jiwa dan pemikiran mereka pula.

Dalam perjuangan anti penyerahan 1946-1950, PKMS berperanan sebagai penerajunya. Kesedaran anti penjajahan PKMS khususnya dan kesemua pertubuhan anti penyerahan umumnya, adalah percikan semangat anti penjajahan yang terpancar menerusi *FS*.

¹⁵ Ibid., hlm. 30-31.

¹⁶ *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 4.

¹⁷ Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak : Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 33.

Perjuangan *FS* bukan sekadar untuk kepentingan masyarakat Melayu sezaman. Bahkan, demi masa depan generasi pewarisnya. Justeru, pemberhentian *FS* merupakan satu kehilangan bagi masyarakat Melayu. Seperti yang dirumuskan oleh seorang pengkaji :

[K]esedaran ekonomi dan sosial yang dilaungkannya itu dapat meningkatkan kesedaran intelegensia Melayu di Kuching terhadap kedudukan orang Melayu.

[S]ekiranya pembaca dapat meneliti dengan cermat akan kandungannya ternyata perkara-perkara yang dibangkitkan oleh *Fajar Sarawak* bercorak kritikan dalam usaha untuk menyedarkan bangsa Melayu di Sarawak.

Walaupun *Fajar Sarawak* kurang memberikan kesedaran yang meluas, ia mesti dilihat sebagai penyumbang dan pembina kepada kesedaran baru kepada orang Melayu di Sarawak.¹⁸

Seperti *FS*, *UA* juga tidak sempat meraikan ulang tahun pertama penerbitannya. Namun, keberkesanannya tidak wajar dikesampingkan. Untuk menilainya, tiga aspek utama harus diambil kira. Ia merangkumi dasar, tujuan dan prinsip perjuangan *UA*. Isu dan persoalan yang dibincangkan oleh *UA* sejajar dengan dasar *UA* untuk “mengeluarkan tiap2 keterangan dan maalumat yang benar”.¹⁹ Matlamat *UA*, “merapatkan perhubungan raayat jelata seluroh Sarawak”²⁰ pula tidak dapat dicapai sepenuhnya. *UA* tidak dapat menyatukan seluruh rakyat Sarawak menentang penyerahan.

¹⁸ Mohd. Setar Mohd. Rani, “Kegiatan golongan Melayu terpelajar Sarawak di dalam bidang penulisan 1930-1950”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 13, 1984, hlm. 60-61.

¹⁹ *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm. 2.

²⁰ Ibid.

Jika ditinjau kepentingannya sebagai lidah rasmi perjuangan anti penyerahan, *UA* menepati hasratnya “memperluas suasana siasah”.²¹ Meskipun *UA* menepati tujuan tujuan penerbitannya, tetapi ia tidak mencakupi semua aspek. Ini termasuklah “memperluas kebudayaan dan iktisad”.²²

Peranan *UA* sebagai lidah pena golongan anti penyerahan dapat menerusi lima aspek utama. Pertama, *UA* menjadi perakam perkembangan perjuangan anti penyerahan. Kedua, *UA* merupakan saluran meluahkan pendirian mereka dengan menjelaskan isu dan masalah penyerahan.

Ketiga, *UA* berperanan sebagai pengimbang dan pembidas propaganda British dan pihak pro penyerahan. Keempat, *UA* merupakan semboyan menyedarkan rakyat tentang implikasi penjajahan. Kelima, *UA* adalah sumber alternatif kepada pihak luar yang berminat mengikuti perjuangan anti penyerahan.

UA merupakan acuan yang menyatukan pemikiran dan perjuangan anti penyerahan. *UA* mengetengahkan kesatuan gagasan terhadap isu yang disentuhnya. Namun, *UA* tidak berperanan sebagai mekanisme menyatukan pertubuhan anti penyerahan. Ini menyebabkan pertubuhan anti penyerahan tidak bersatu dalam satu wadah perjuangan. Ia

²¹ Ibid.

²² Ibid.

juga menunjukkan akhbar bukan organ mutlak yang dapat mempengaruhi seluruh kehidupan, pemikiran dan sikap masyarakat.

Perlu ditegaskan, pengaruh pemikiran dan perjuangan golongan anti penyerahan tidak terhenti ekoran pemberhentian *UA*. Malah, ia diperluaskan lagi oleh *Utusan Sarawak*. Ruang lingkup skopnya tidak lagi terfokus kepada isu penyerahan. Isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh *Utusan Sarawak* juga meliputi aspek ekonomi dan sosial, tanpa mengkesampingkan isu terasnya – penyerahan dan penjajahan Sarawak.²³

Dalam konteks kesan kebangkitan nasionalisme dan perkembangan intelektualisme Melayu pula, penerbitan *FS* dan *UA* jelas menunjukkan Sarawak tidak tersisih daripada arus perjuangan Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia. Pengarunya turut meresap ke Sarawak sejak awal abad ke-20, malah melewati zaman pasca Perang Dunia Ke-II.

Dalam perkembangan berkaitan, terdapat golongan terpelajar di Sarawak tertarik dengan perjuangan dan ketokohan Sukarno²⁴ menentang Belanda. Antaranya Haji Abdul Rahman

²³ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Nordi bin Achie, “Pemikiran Pejuang Anti Penyerahan : Satu Tinjauan Khusus Terhadap *Utusan Sarawak* 1949-1950”, *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, No. 8/2000, hlm. 195-232, “Kemunduran Ekonomi Bumiputera Sarawak di Bawah Pemerintahan Kolonial British 1946-1950 : Satu Tinjauan Khusus Berdasarkan *Utusan Sarawak* 1949-1950”, *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 2/2001, hlm. 49-85 dan “Kemunduran Pendidikan Masyarakat Melayu di Sarawak Pada Awal Pemerintahan Kolonial British 1946-1950 : Satu Tinjauan Dari Perspektif *Utusan Sarawak* 1949-1950”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 29/2001, hlm.8-30.

Kassim, Kipli Osman dan Ahmad Zaidi.²⁵ Foto Sukarno juga digantung di dinding rumah khususnya di kalangan sesetengah orang Melayu di Kuching sejak 1946.²⁶

Secara keseluruhannya, *FS* dan *UA* merupakan semboyan golongan terpelajar Melayu sezaman yang menyuarakan hak dan kepentingan anak negeri. Penerbitannya memberikan ruang dan peluang kepada mereka, bukan sekadar untuk meluahkan suara hati semata-mata, malah menyalurkan pemikiran anti kolonial dan progresif Melayu.

FS dan *UA* juga menjadi pangkalan bagi golongan terpelajar Melayu memikirkan masalah dan masa depan Melayu khususnya dan bumiputera umumnya. Perkaitan antara

²⁴ Beliau lahir pada 1901 di Surabaya. Sukarno pernah mendapat pendidikan di Kolej Teknik, Bandung. Beliau mengasaskan Partai Nasional Indonesia pada 1927. Penentangannya terhadap Belanda menyebabkan Sukarno dipenjara pada 1929. Pada Perang Dunia ke-II, beliau bekerjasama dengan Jepun menentang penjajahan Belanda. Beliau mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945. Sukarno menjadi Presiden Indonesia pertama pada 1945-1967. *The Hutchinson Dictionary of World History*, Helicon Publishing, London, 1995, hlm. 550. Bernhard Dahm, *Sejarah Indonesia Abad Kedua Puluh* (terjemahan Abd. Aziz Hitam dan Wan Azaham Wan Mohamad), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 83-118.

²⁵ Beliau lahir pada 1921, di Sibu. Ahmad Zaidi pernah mendapat pendidikan di Anglo-Chinese School (Singapura) dan MPSI. Beliau diamanahkan oleh Ibrahim Ya'akub menuju cawangan Kesatuan Melayu Muda di Sarawak pada 1942. Ketika menuntut di Buitenzorg Veterinary College (Bogor), Ahmad Zaidi terpengaruh dengan perjuangan Sukarno. Pada 1951, beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda (Sastera) dari University of London. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sanib Said, *Yang Dikehendaki : Biografi Yang Dipertuan Negeri Sarawak Tun Datuk Patinggi Hj. Ahmad Zaidi Adruce Mohd. Nor*, Tun Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching, 1991. James Ritchie, *Tun Ahmad Zaidi : Son of Sarawak*, Pelanduk Publications, Subang Jaya, 2000.

²⁶ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke : The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 251.

FS dengan *UA*, ia menepati ungkapan “saudara sedaging sedarah”²⁷ khususnya peranan kedua-duanya sebagai akhbar Melayu berorientasikan perjuangan.

Walaupun kelangsungan *FS* dan *UA* sememangnya penting, tetapi kedua-duanya tidak mampu bertahan lama seperti *Utusan Sarawak*. Malangnya, penutupan *Utusan Sarawak* pada 1971 merupakan paku terakhir yang mengkerandakan perjuangan akhbar Melayu di Sarawak. Ini merupakan suatu kehilangan yang amat memedihkan dalam sejarah tanah air.

Penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 dan pembebasannya daripada penjajahan kolonial British, hanyalah menepati sebahagian daripada cita-cita perjuangan ketiga-tiga akhbar. Dalam hubungan ini, *FS* adalah embrio dan nukleus perjuangan itu sendiri. Benih nasionalisme yang disemainya, terpercik menerusi gerakan anti penyerahan dan bertali arus dengan perjuangan *UA* dan *Utusan Sarawak*.

²⁷ *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.